


20 universiti diarah tubuh fakulti AI



Oleh [Suzalina Halid](#) - Disember 16, 2024 @ 9:21am
suzalina@bh.com.my



20 universiti awam di negara ini diarah menubuhkan fakulti kecerdasan buatan (AI) atau memasukkan elemen teknologi baharu itu dalam fakulti sedia ada bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan graduan dengan pasaran pekerjaan. - Foto fail REUTERS

KUALA LUMPUR: Semua 20 universiti awam (UA) di negara ini diarah menubuhkan fakulti kecerdasan buatan (AI) atau memasukkan elemen teknologi baharu itu dalam fakulti sedia ada bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan graduan dengan pasaran pekerjaan.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mustapha Sakmud, berkata pengajian AI melalui fakulti baharu atau elemen teknologi itu dimasukkan dalam fakulti

berkaitan sedia ada dijangka dapat melahirkan graduan lebih memenuhi permintaan pasaran pekerjaan dan industri.

"Langkah ini juga sekali gus dapat menangani isu graduan menganggur. Jadi, kita minta semua universiti untuk kaji semula kurikulum dengan membabitkan AI atau warnai fakulti dengan elemen AI. Kurikulum perlu dikaji balik dengan memberi penekanan kepada AI.

"Ini antara usaha kita dalam meneliti secara serius isu ketidakpadanan pekerjaan dan pengangguran dalam kalangan graduan.

"Sebenarnya antara isu dalam masalah ini adalah kursus yang tidak dipadankan dengan pasaran dan permintaan," katanya kepada BH.



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mustapha Sakmud. - Foto fail NSTP
Mustapha berkata, setakat ini, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mewujudkan fakulti AI pertama di negara ini, selain fokus kepada bidang robotik, manakala lima UA yang lain memasukkan elemen AI dalam aspek tertentu.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mempromosi elemen AI dalam aspek nilai kemanusiaan dan etika, manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) menumpukan teknologi itu terhadap aspek keterjaminan makanan.

Penggunaan elemen AI di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula bertumpu dalam disiplin alih bahasa; Universiti Malaya (UM) bagi perubatan dan Universiti Sains Malaysia (USM) menumpukan semi konduktor.

Pada 7 Disember lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan mahu UA memastikan disiplin ilmu atau program pengajian baharu berkait teknologi tinggi diluluskan cepat, bukan lagi sehingga setahun atau lebih kerana perlu melalui pelbagai prosedur.

Perdana Menteri juga mengingatkan, pengurusan universiti menumpukan disiplin ilmu baharu dengan kadar cepat dan memberi ruang mencukupi bagi menggalakkan kemasukan industri secara lebih agresif.

Rangka pelan

Sementara itu, Mustapha berkata, inisiatif lain dilaksanakan kerajaan bagi menangani isu jurang ketidakpadanan graduan dengan pasaran pekerjaan ialah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035.

Beliau berkata, pelan itu yang berupaya menjadi pengubah keadaan kini pada peringkat akhir mendapatkan input daripada pelbagai pihak dan pemegang taruh, terutama industri.

Menurutnya, usaha sudah dilaksanakan KPT bagi menangani jurang ketidakpadanan graduan dengan pasaran pekerjaan, namun mengakui ia akan mengambil sedikit masa.

Beliau berkata, antara inisiatif diambil KPT bagi mengatasi isu itu, termasuk memperkasa program intervensi dan pembangunan, selain mengukuhkan kerjasama universiti dengan industri.

KPT juga, katanya, menggerakkan Badan Koordinasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Kerajaan-Industri (GITC) sebagai perantara menghubungkan kementerian dengan industri bagi melaksanakan kerjasama dengan universiti.

"Ia juga bagi merancang keperluan sumber tenaga buruh yang memenuhi kehendak pasaran semasa. KPT turut mengukuhkan kerjasama dengan industri melalui pelbagai program," katanya.

Antara program itu adalah Industry@University, CEO@Faculty, Employability Advisory Committee dan Industry Advisory Council.

Mengenai jumlah graduan berpendidikan tinggi yang semakin meningkat dan ketersediaan pekerjaan mahir serta berpendapatan tinggi di negara ini, beliau berkata, ia masih tidak sepadan berdasarkan kajian *Shifting Tides: Charting Career Progression of Malaysia's Skilled Talents*.

Katanya, laporan hasil kajian dilaksanakan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) dengan kerjasama KPT itu mendapati jumlah pekerjaan mahir dan berpendapatan tinggi tidak mencukupi untuk menampung graduan berpendidikan tinggi semakin meningkat.

"Bilangan tenaga kerja berpendidikan tinggi meningkat 1.2 juta kepada 5.2 juta pada 2022 berbanding 2015. Namun, hanya 2.2 juta jumlah pekerjaan berkemahiran tinggi ditawarkan di pasaran pada 2022.

"Penambahan bilangan bakat yang mahir tidak disokong jawatan sesuai menyebabkan pengambilan pekerja lebih tinggi berbanding kelayakan yang pekerja itu miliki, seterusnya menyebabkan guna tenaga yang tidak penuh berkait kemahiran," katanya.

Pada 18 November lalu, BH melaporkan Bank Dunia mendapati Malaysia berdepan jurang besar di antara jumlah graduan berpendidikan tinggi dengan peluang pekerjaan tersedia setanding kelayakan mereka apabila satu kekosongan jawatan berkemahiran tinggi kini direbut enam graduan.

Tahap guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran atau underemployment yang meningkat secara ketara boleh menjejaskan kemajuan untuk Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi secara mampan jika situasi itu berterusan.

Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran ditakrifkan sebagai mereka yang berpendidikan tinggi, tetapi membuat pekerjaan separa mahir dan pekerjaan berkemahiran rendah.

Laporan terkini Pemantau Ekonomi Malaysia (MEM) Bank Dunia ke-30 yang dikeluarkan pada Oktober lalu menunjukkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran di negara ini, meningkat kepada 37.3 peratus pada 2022 berbanding 27.2 peratus pada 2010.

Kajian Bank Dunia pada 2020 juga melaporkan lebih 40 peratus syarikat sektor pembuatan dan perkhidmatan sukar mencari pekerja mempunyai kemahiran kepimpinan, komunikasi, menyelesaikan masalah serta kemahiran umum teknologi maklumat (IT).